



Nuh - Babel





APABILA TUHAN MENCIPTA MANUSIA, DIA MENJADIKAN MEREKA MENURUT RUPA ALLAH.

DIA MENCIPTAKAN LELAKI DAN PEREMPUAN

DIA MEMBERKATI MEREKA DAN MENAMAI MEREKA "MANUSIA."

SETELAH ADAM HIDUP SELAMA 130 TAHUN, LAHIRLAH BAGINYA SEORANG ANAK LELAKI MENURUT RUPA DAN GAMBARANNYA DAN DIA MENAMAI ANAK ITU SET.

ADAM JUGA DIKURNIAKAN ANAK-ANAK LELAKI DAN PEREMPUAN YANG LAIN.

SET MENJADI AYAH KEPADA ENOS.

ENOS MENJADI BAPA KEPADA KENAN.

KENAN MENJADI BAPA KEPADA MAHALALEEL.

MAHALALEEL MENJADI BAPA KEPADA YARED.

YARED MENJADI BAPA KEPADA HENOKH.

HENOKH MENJADI BAPA KEPADA METUSALAH.

HENOKH HIDUP AKRAB DENGAN ALLAH DAN SESUDAH ITU GHAIBLAH HENOKH KERANA ALLAH MEMBAWANYA PERGI.

METUSALAH MENJADI BAPA KEPADA LAMEKH.

LAMEKH MEMPUNYAI SEORANG ANAK LELAKI BERNAMA NUH* .

LAMEKH BERKATA, "ANAK INI AKAN MEMBAWA KESENANGAN KEPADA KITA SELEPAS KITA BEKERJA BERPENAT LELAH DI TANAH YANG TELAH TUHAN KUTUK."

NUH MENJADI AYAH KEPADA SEM, HAM, DAN YAFET.

Lorem ipsum

*NUH MEMBAWA MAKSUD KESELESAAN



KEJADIAN 5:1-32

MANUSIA MULA BERTAMBAH DI MUKA BUMI. TUHAN MEMUTUSKAN UNTUK MENGHADKAN TEMPOH HAYAT HIDUP MANUSIA, TIDAK MELEBIHI 120 TAHUN.



TUHAN MELIHAT KEJAHATAN MANUSIA DI BUMI, DAN SEGALA HASRAT DAN KECENDERONGAN HATI MEREKA SENTIASA TERTUMPU PADA KEJAHATAN SAHAJA.

TUHAN BERFIRMAN, "AKU AKAN MENGHAPUSKAN MANUSIA YANG TELAH KU-CIPTAKAN ITU DARI MUKA BUMI – MANUSIA DAN, HAIWAN, DAN TERMASUK HAIWAN YANG MELATA, DAN BURUNG-BURUNG DI UDARA....

...KERANA HATI-KU KESAL BAHAWA AKU TELAH MENCIPTAKAN SEMUANYA."

TETAPI NUH MENDAPAT RAHMAT DI MATA TUHAN.

INILAH RIWAYAT NUH.

NUH SEORANG YANG SALIH DAN TIDAK TERCELA. DIA MENGIKUT TUHAN DENGAN SEPENUH HATINYA.

NUH DAN ISTERINYA DIKURNIAKAN TIGA ORANG ANAK LELAKI – SEM, HAM, DAN YAFET.

DAN ALLAH BERFIRMAN KEPADA NUH....

AKU TELAH MENETAPKAN BAHAWA KESEMUA MAKLUK YANG HIDUP MESTI MATI KERANA BUMI INI PENUH DENGAN KEGANASAN AKIBAT PERBUATAN MANUSIA. SESUNGGUHNYA, AKU AKAN MEMUSNAHKAN MEREKA BERSAMA-SAMA BUMI INI.

KAMU PERLU MEMBUAT SEBUAH BAHTERA DARIPADA KAYU SIPRES. BUATLAH BILIK-BILIK DI DALAM BAHTERA ITU YANG MESTI DILAPISI DENGAN GEGALA DI BAHAGIAN LUAR DAN DALAMNYA. KAMU MESTI MEMBUAT BAHTERA ITU MENGIKUT UKURAN INI: PANJANGNYA 450 KAKI, LEBARNYA 75 KAKI, DAN TINGGINYA 45 KAKI.

BUATLAH SATU LUBANG CAHAYA UNTUK BAHTERA ITU, 18 INCHI DI BAWAH ATAPNYA; DAN BUATLAH BAHTERA ITU BERTINGKAT TIGA – BAWAH, TENGAH, DAN ATAS – DAN PASANGLAH PINTU BAHTERA PADA RUSUKNYA.

KETAHUILAH! AKU AKAN MENDATANGKAN BANJIR UNTUK MELANDA BUMI DEMI MEMUSNAHKAN SEMUA MAKLUK –

SEMUA YANG BERNYAWA DI BAWAH LANGIT DAN SEMUA HIDUPAN DI BUMI AKAN MATI.

TETAPI, AKU BERJANJI UNTUK MENYELAMATKAN ENKAU, ISTERI-MU, ANAK-ANAK-MU DAN ISTERI MEREKA DI DALAM BAHTERA INI.

A detailed illustration of Noah's Ark. In the foreground, a large eagle with a white head and yellow beak is shown in profile, looking towards the right. Behind it, a large blue bird with its wings spread is flying. In the background, Noah's Ark is visible, a large wooden structure with a ramp. Various animals are depicted: giraffes, deer, and a herd of animals are on the land. Two pink flamingos are in the foreground. The sky is filled with many small birds flying towards the ark. The overall scene is set in a lush, green landscape with mountains in the distance.

TUHAN MENGARAHKAN NUH...

BAWALAH SEPASANG* DARIPADA
SEGALA MAKHLUK YANG HIDUP- JANTAN
DAN BETINA- MASUK KE DALAM BAHTERA
DENGAN KAMU, SUPAYA KESEMUANYA DAPAT
HIDUP APABILA BANJIR MELANDA. BAWALAH
SEPASANG DARIPADA BERBAGAI-BAGAI
JENIS BURUNG, HAIWAN, DAN REPTILIA.

KUMPUL DAN SIMPANKAN JUGA
SEGALA BAHAN YANG DAPAT DIMAKAN
DI DALAM BAHTERA.


NUH MELAKUKAN SEMUA YANG TUHAN PERINTAHKANNYA.

KEMUDIAN ALLAH MENGARAHKAN MEREKA UNTUK MEMASUKI BAHTERA ITU.

*KEJADIAN 7:2-3: BAWALAH TUJUH PASANG DARIPADA TIAP-TIAP JENIS
BURUNG DAN BINATANG YANG HALAL, TETAPI HANYA SATU PASANG
DARIPADA TIAP-TIAP JENIS YANG HARAM. LAKUKANLAH HAL ITU SUPAYA
DARIPADA SETIAP JENIS BINATANG DAN BURUNG ADA YANG TERSELAMAT,
LALU DAPAT MEMBIAK SEMULA DI BUMI.

KEJADIAN 6:19-7:10


DAN PADA HARI KETUJUH....



PADA HARI ITU, SEMUA MATA AIR BESAR MEMANCAR
DAN PINTU SYURGA DI BUKA. HUJAN MELANDA
BUMI SELAMA 40 HARI DAN 40 MALAM.

SELAMA 40 HARI, BANJIR MELANDA BUMI DAN AIR ITU TERUS NAIK SEHINGGA
MENGANGKAT BAHTERA ITU TINGGI DARI BUMI. AIR SEMAKIN TINGGI DAN
MELONJAK DI ATAS BUMI, DAN BAHTERA ITU PUN TERAPUNG-APUNG DI
PERMUKAAN AIR: BEGITU KUATNYA PELIMPAHAN AIR DI MUKA BUMI SEHINGGA
MENGATASI GUNUNG-GANANG YANG TINGGI YANG ADA LANTAS TERTUTUPLAH
SELURUH KOLONG LANGIT. AIR ITU TERUS BERLIMPAHAN HINGGA MELITUPI
22 KAKI DI ATAS SEGALA GUNUNG.

KOON



MAKA TAMATLAH HAYAT SEMUA MAKHLUK YANG BERGERAK DI MUKA BUMI - BURUNG-BURUNG, HAIWAN TERNAKAN, BINATANG LIAR, SEGALA KAWANAN BINATANG KECIL DI BUMI SERTA SEMUA MANUSIA.

MATILAH SEMUA YANG HIDUP DI BUMI. HANYA NUH SERTA SEMUA YANG ADA BERSAMANYA DALAM BAHTERA ITU SELAMAT. JADI, SELAMA 150 HARI, BANJIR BERLELUASA DI MUKA BUMI.

ALLAH MEMBERIKAN PERHATIAN KEPADA NUH DAN SEGALA BINATANG LIAR SERTA SEGALA HAIWAN TERNAKAN YANG ADA BERSAMA-SAMANYA DALAM BAHTERA ITU. LALU ALLAH MENGHANTAR ANGIN UNTUK BERTIUP LANTAS DAN AIR BANJIR ITU MULA SURUT.

BAHTERA ITU BERADA DI DARAT LEBIH
DARIPADA 100 HARI APABILA NUH
MELEPASKAN SEEKOR BURUNG GAGAK.

MENGAPA
ENKAU BERBUAT
DEMIKIAN, AYAH?

DARI KETINGGIAN SEEKOR
BURUNG, GAGAK INI MUNGKIN
MAMPU MENCARI TANAH
KERING. KALAU DIA KEMBALI,
KITA AKAN TAHU YANG
AIR BELUM -

TIDAK, BAPA, MAKSUD SAYA
MENGAPA HANTAR SATU
BURUNG GAGAK? TERDAPAT
SEPASANG DI SINI, DAN JIKA
SESUATU BERLAKU
KEPADA SATU ITU...

LAIN KALI SAYA AKAN
MENGHANTAR SEEKOR
BURUNG MERPATI,
KITA ADA TUJUH...

TETAPI BURUNG GAGAK ITU HANYA BOLEH
TERBANG MUNDAR-MANDIR DI PERMUKAAN AIR.

SEMINGGU KEMUDIAN...

MENGAPA
BERSUSAH-
PAYAH, BAPA?


ENKAU SUDAH
MELEPASKAN SEEKOR
BURUNG GAGAK
MINGGU LEPAS DAN IA
TIDAK MENJUMPAI
APA-APA PUN.

YA, TETAPI AKU INGIN TAHU.
SAYA INGIN TAHU BAGAIMANA
KEADAAN DI LUAR, TETAPI SAYA
TIDAK MAHU MENGAMBIL RISIKO
DENGAN MEMBUKA PINTU!

SEMINGGU LAGI...


ADAKAH ENKAU
FIKIR KALI INI BURUNG
ITU AKAN KEMBALI
BAPA?

SUATU HARI
NANTI, HARI ITU
AKAN DATANG.
AKU TAHU.



LIHAT, DI SANA,
IA SUDAH
KEMBALI.

YA, IA SUDAH KEMBALI! DAN
LIHAT! IA MEMBAWA SESUATU
DI PARUHNYA!!



DAUN
ZAITUN!

DAUN
ZAITUN!

NUH MENUNGGU SEMINGGU
LAGI, KEMUDIAN....

HARI INI, SAYA ADA
PERASAAN BAHWA
MERPATI INI TIDAK
AKAN KEMBALI!



BURUNG ITU TELAH
MENEMUI SUATU TEMPAT
UNTUK BEREHAT!
SAYA PASTI!!

MASIH LAMA SEBELUM KITA MEMPUNYAI
TANAH YANG KERING UNTUK KITA DAN
BINATANG-BINATANG INI, TETAPI -

-- TETAPI TIDAK KIRA
BERAPA LAMA, IA TIDAK
AKAN BERBANDING
DENGAN JANGKA
MASA BAHTERA
ITU SIAP DI BINA!



TIGA RATUS TUJUH PULUH ENAM HARI SELEPAS
TUHAN MENUTUP PINTU BAHTERA ITU....



SAYA RASA
SUDAH TIBA
MASANYA, ANAK-
ANAKKU.



HARI INI KITA AKAN TAHU
JIKA TANAH ITU SEDIA
UNTUK KITA!

SAYA TAHU
SAYA SEDIA!



NUH!
LIHAT!!!

... PERMUKAAN TANAH
TELAH KERING.



KEMUDIAN TUHAN BERFIRMAN:

KELUARLAH DARI BAHTERA
ITU, ENKAU BERSERTA I
STERIMU, ANAK-ANAKMU,
DAN PARA MENANTU-
MENANTUMU.

BAWALAH KELUAR
SEMUA MAKHLUK BERNYAWA YANG
ADA BERSAMA-MU -- SEGALA BURUNG,
HAIWAN, DAN SEGALA BINATANG MELATA
YANG MERAYAP DI BUMI -- BIARKAN SEMUA
MAKHLUK ITU MEMENUHI BUMI,
BERKEMBANG BIAK, DAN BERTAMBAH
BANYAK DI BUMI.



KEJADIAN 8:17-19





BERANAKCUCULAH
DAN BERTAMBAH
RAMAILAH, DAN PENUHILAH
BUMI INI.

SETIAP MAKHLUK YANG HIDUP
DAN SETIAP BURUNG DI UDARA AKAN
RASA TAKUT DAN GENTAR TERHADAP
KAMU. BEGITU JUGA DENGAN SEGALA
YANG MERAYAP DI TANAH, DAN SEGALA
IKAN DI LAUT.

SEMUA INI BERADA DI
DALAM KEKUASAANMU.

SEGALA YANG
BERGERAK YANG
MEMPUNYAI HIDUP
AKAN MENJADI
MAKANANMU.

SEBAGAIMANA AKU
MEMBERIMU TUMBUH-
TUMBUHAN HIJAU,
KINI AKU MEMBERIMU
KESEMUAANYA.

HANYA DAGING YANG
MASIH BERDARAH TIDAK
BOLEH KAMU MAKAN, KERANA
NYAWA ITU TERKANDUNG
DI DALAM DARAH.

SETIAP ORANG DAN
BINATANG YANG
MEMBUNUH MANUSIA
AKAN KUHUKUM
MATI.

DAN BAGI SETIAP
MANUSIA, AKU AKAN
MENUNTUT PEMBALASAN
KE ATAS NYAWA MANUSIA
UNTUK ANGKARA
TANGAN SAUDARANYA.

MANUSIA DICIPTAKAN
SEPERTI ALLAH; OLEH ITU,
SESIAPA YANG MEMBUNUH
MANUSIA AKAN DIBUNUH
OLEH MANUSIA JUGA.

TETAPI KAMU,
BERANAKCUCULAH DAN
BERTAMBAH RAMAILAH.
PENUHILAH BUMI DAN
BERTAMBAH RAMAILAH.

AKAN KU-WUJUDKAN
PELANGI DI AWANG-AWANGAN,
DAN ITU AKAN MENJADI TANDA
JAMINAN BAGI PERJANJIAN
ANTARA AKU DENGAN BUMI.

TIAP-TIAP KALI AKU MELIPUTI
LANGIT DENGAN AWAN DAN
PELANGI ITU KELIHATAN, AKU AKAN
MENGINGAT PERJANJIAN-KU DENGAN
KAMU DAN DENGAN SEMUA
MAKHLUK HIDUP:

BAHAWA BANJIR TIDAK
AKAN MEMBINASAKAN
SEMUA MAKHLUK
HIDUP LAGI.

APABILA MUNCUL PELANGI DI
AWANG-AWANGAN, MAKA AKU
AKAN MELIHATNYA DAN MENGINGATI
PERJANJIAN ABADI ANTARA ALLAH
DENGAN SEGALA JENIS HIDUPAN
YANG ADA DI BUMI.



NUH DAN
KELUARGANYA
MULA BEKERJA.

BERKERJA MEMBINA
SEMULA BUMI.

MEMBINA
RUMAH.

MENJAGA
BINATANG-BINATANG.

MEMULAKAN HIDUP
BARU MEREKA.

SEKALI-SEKALA, RASA
BAIK KAN, UNTUK MEMBINA
SESUATU YANG AKAN SIAP
DALAM SEHARI DUA
KAN SAUDARA-SAUDARAKU?

RASA BAIK UNTUK
MEMBINA SESUATU
YANG TIDAK MEMERLUKAN
KITA MEMANJAT
PERANCAH 45-KAKI!

JIKA KAMU BERFIKIR
TENTANG HAL INI, KITA
MEMBINA KHEMAH INI
UNTUK ALASAN YANG SAMA
KITA MEMBINA BAHTERA ITU:
UNTUK KEKAL KERING!


DAN NUH MENANAM SEBUAH
KEBUN ANGGUR.

DIA MEMINUM AIR ANGGUR
ITU DAN MENJADI MABUK.

MMM.
BAIK. MANIS



AYAH?



IBU TERTANYA SAMA
ADA ENKAU MAHU-



ADUH, AYAH!



SAYA INGAT
BURUNG-BURUNG
ITU AKAN TINGGAL DI
SEKITAR SINI.

MEREKA KELIHATAN
SEPERTI MEREKA MEMPUYAI
DAGING YANG BAIK, TETAPI MEREKA
TELAH PERGI DENGAN HAIWAN-
HAIWAN YANG LAIN.

HAM,
KENAPA NI?



TANYA BAPA
KENAPA
DENGAN
DIA!

LADANG ANGGURNYA
TELAH MENGHASILKAN
BUAH DAN BAPA KITA
SEKARANG MABUK
DARIPADA BUAHNYA!

SEKARANG DIA
TERBARING DI
DALAM KHEMAHNYA,
TELANJANG!

LIHATLAH
SENDIRI!





SAYA SELALU MEMIKIRKAN TENTANG MASA SELEPAS ADAM DAN HAWA BERDOSA, KESEDARAN PERTAMA MEREKA ADALAH BAHAWA MEREKA TELANJANG.

TETAPI BAPA KAMI... DIA MERUPAKAN SEORANG LELAKI YANG SOLEH DARI GENERASINYA!

DIALAH YANG DIPILIH UNTUK MELINDUNGI UMAT MANUSIA DARIPADA KEJAHATAN YANG MENYEDIHKAN TUHAN!

RAMAI ORANG YANG BERDOSA TELAH MENINGGAL, SAUDARAKU, TETAPI DOSA ITU SENDIRI MASIH KEKAL.

KITA MASIH HIDUP.



JANGAN PANDANG DIA, YAFET.

KAMI TIDAK PERLU MELIHAT KEMALUANNYA.



APA - APA YANG TELAH BERLAKU?

MENGAPA JUBAH SEM ADA DI SINI?

NUH, ENKAU MABUK. ENKAU SANGAT MABUK SAMPAI TERTIDUR DI SINI, TELANJANG.

ANAK-ANAKMU BOLEH MELIHAT MU - HAM TERNAMPAP KAMU DAN MENINGGALKAN KAMU DENGAN MELUAT, TETAPI DUA ANAK-ANAK MU YANG LAIN MENGAMBIL MASA UNTUK MENUTUPI BADAN MU.



HAM? HAM? TERKUTUKLAH KANAAN! (KETURUNAN-NYA) KERANA MENINGGALKAN SAYA TERDEDAH BEGITU!"

MOGA ALLAH MEMBERKATI SEM DAN YAFET KERANA MENOLONGKU!

MOGA KANAAN MENJADI HAMBAA SEGALA HAMBAA! MOGA ALLAH MEMULIAKAN WILAYAH SEM DAN YAFET!

* KANAAN - KUTUKKAN BERALIH KEPADA KETURUNAN HAM.



NUH, HAM TIDAK MELETAKKAN AIR ANGGUR ITU DI TANGAN ENKAU.

HAM TIDAK MEMAKSA ENKAU UNTUK MINUM HINGGA ENKAU TIDAK TAHU APA YANG ENKAU LAKUKAN. HAM TIDAK MEMBUKA JUBAH MU.

SETELAH SEMUA YANG KITA LALUI, AKU DAN ANAK-ANAKKU SUDAH TELAH MEMBUAT PILHAN-PILHAN SALAH!

KELUARGA NUH MEMBESAR.
ANAK-ANAKNYA MEMPUNYAI
ANAK-ANAK MERKA TERSENDIRI.



BAPA!
IA SEORANG
LELAKI! KAMI AKAN
MENAMAKANNYA
ARAM!
IBUNYA DALAM
KEADAAN BAIK,
BIDAN-BIDAN
KAMI SEDANG
MENJAGANYA!



TETAPI SAYA INGIN
BAPA MELIHAT
CUCU MU!



ARAM.



GENERASI YANG KEJAM
SUDAH MATI, TETAPI
KEJAHATAN - KEJAHATAN
KAMI - MASIH DISINI.

KAMI ADA SATU
PERJANJIAN DENGAN ALLAH;
DIA TIDAK AKAN
MENYUCIKAN BUMI INI
DENGAN BANJIR LAGI.

SAYA BERTANYA-TANYA,
PERJANJIAN APAKAH YANG AKAN
ALLAH BUAT DENGAN GENERASI
YANG AKAN DATANG UNTUK
MENGHAPUSKAN DOSA
MEREKA?

DAN DARI KELUARGA INI, PUAH-PUAK DAN BANGSA-
BANGSA DUNIA INI TERSEBAR DI SERATA DUNIA
SELEPAS BANJIR HEBAT ITU...




SELEPAS BANJIR ITU, NUH HIDUP SELAMA 350 TAHUN LAGI.




PADA ZAMAN SEBELUM-BANJIR, SEKURANG-KURANGNYA DUA SEBAB INI MENJADI FAKTOR KEPADA KEBIASAAN JANGKA HAYAT HIDUP PANJANG BAGI SEORANG MANUSIA:

PERTAMA, MANUSIA MEMPUNYAI CIRI-CIRI GENETIK YANG HAMPIR SEMPURNA.



KEDUA, ZAMAN SEBELUM-BANJIR INI MUNGKIN SERUPA DENGAN KONSEP RUMAH HIJAU, DI MANA TERDAPAT SEBUAH KANOPI AIR YANG MENGGELILINGI BUMI YANG MENAPIS SINARAN ULTRAVIOLET YANG BAHAYA DAN INI MEMBERI SUATU PERSEKITARAN YANG SEMPURNA UNTUK TUMBUH-TUMBUHAN DAN HAIWAN- HAIWAN UNTUK HIDUP.




KEADAAN BUMI SELEPAS-BANJIR AGAK BERBEZA DENGAN ZAMAN SEBELUM-BANJIR. TOPOGRAFI BUMI TELAH BERUBAH TETAPI TANAH MASIH MEMENUHI KEPERLUAN UNTUK PERTANIAN.

ANAK-ANAK NUH MEMATUHI PERINTAH TUHAN UNTUK BERANAK CUCU DAN MEMENUHI SELURUH BUMI. MEREKA MELAHIRKAN ANAK-ANAK LELAKI DAN PEREMPUAN.



NIMROD ("PEMBERONTAK") ADALAH
CICIT NUH DAN DIA SEORANG
PAHLAWAN YANG PERKASA
DI BUMI INI.



PADA MASA INI, SEMUA MANUSIA
BERCAKAP DALAM BAHASA YANG SAMA.

MEREKA TIDAK MEMATUHI PERINTAH TUHAN UNTUK
MENYEBAR KE MERATA MUKA BUMI. MEREKA BERHENTI
DI SEBUAH DATARAN DI TANAH SINEAR,
JUGA DIPANGGIL, BABYLON.



AYUH KITA BANGUNKAN SEBUAH
KOTA DAN SEBUAH MENARA YANG
PUNCAKNYA SAMPAI KE LANGIT. MARI KITA
CARI NAMA BAGI DIRI KITA, SUPAYA KITA
TERMASYHUR DAN TIDAK
TERCERAI-CERAI DI SELURUH
BUMI.

NIMROD SI
HEBAT AKAN
MEMIMPIN KAMI.



AYUH KITA BUATKAN
BATU-BATA DAN
BAKARNYA SAMPAI KERAS
UNTUK MEMBINA MENARA
HEBAT INI.

DAN KITA
AKAN GUNAKAN
TAR SEBAGAI
BAHAN
PELEKAT.



KITA TIDAK PERLUKAN
TUHAN UNTUK MEMERINTAH
KAMI - KITA TIDAK PERLUKAN
PERATURAN KUNO DATUK-
MOYANG KU, NUH.

BANDAR HEBAT INI AKAN
MENJADI PUSAT BUMI. SEMUA
ORANG AKAN DATANG KE
SINI UNTUK MENYEMBAH.



DAN NIMROD
AKAN MEMERINTAH
ATAS KAMI.

DIA AKAN MENJADI
PEMERINTAH DAN
IMAM AGUNG KAMI.

DIA ADALAH
TUHAN.



JADI, PEMBINAAN BERMULA
DI PUSAT IBADAT BARU INI.



MEREKA MULA MEMBINA
SEBUAH MENARA YANG
HEBAT HINGGA PUNCAKNYA
HAMPIR-HAMPIR
MENYENTUH SYURGA.*

*KEMUNGKIAN BESAR INI MERUPAKAN SEBUAH ZIGURAT BESAR YANG
DIGUNAKAN UNTUK MENYEMBAH BINTANG-BINTANG DAN BENDA-
BENDA YANG DI Cipta DARIPADA MENYEMBAH PENCiptanya SENDIRI.

KEMUDIAN TUHAN TURUN UNTUK MELIHAT
KOTA DAN MENARA YANG DIBINA OLEH
MANUSIA.





JIKA DENGAN SATU
BANGSA DAN SATU BAHASA
MEREKA SUDAH MULA BUAT
SEBEGINI, TIDAK LAMA LAGI
MEREKA AKAN MELAKUKAN
APA SAHAJA YANG
DIKEHENDAKI MEREKA.



MARILAH KITA
MENGELIRUKAN BAHASA
MEREKA SUPAYA MEREKA
TIDAK MEMAHAMI SATU
SAMA LAIN.



FAIRE
DE LA PLACE
POUR D'AUTRES
À REGARDER
LES ÉTOILES
DIEU.

WAS
SAGST DU
IDIOT?

Nu pot să
înțeleg ce
se spune!



BERHENTILAH BERCAKAP
DALAM BAHASA PELIK ITU -
BERAMBUS DARI SINI!!

APA YANG
BERLAKU?! KENAPA
KAU TAK FAHAM
AKU?



HANYA MEREKA YANG BERCAKAP
BAHASA BARU DAPAT MEMAHAMI
SATU SAMA LAIN.

OLEH ITU, MEREKA BERHENTI
MEMBINA KOTA ITU DAN DARI
SITULAH TUHAN MENCERAI-BERAIKAN
MANUSIA KE SELURUH BUMI,
SEPERTI YANG DIKEHENDAKINYA.





"THE BIBLE EXPLAINED
IN EVERY LANGUAGE."

